KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 12 MAC 2021 (JUMAAT)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

## 12 MAC 2021 (JUMAAT)

NEW STRAITS TIMES

HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/3/2021
M/SURAT : 9

JOB OPPORTUNITIES

# MICRO, AFFORDABLE FRANCHISE MODEL

## Ministry wants youth, M40 and B40 groups to venture into such businesses

TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is encouraging business owners to expand through micro- and affordable-franchise models.

Deputy minister Datuk Rosol Wahid said micro- and affordable-franchise concepts that were vigorously promoted by the ministry would not only provide business owners a chance to expand their businesses, but create more franchise entrepreneurs among the younger generation.

Rosol said the ministry also called on existing franchisors to introduce new franchise packages at a lower start-up capital and franchise package fee to encourage the younger generation, as well as those from the Middle 40 and Bottom 40 groups to venture into such businesses.

He stressed that the ministry was serious in efforts to develop franchise businesses, especially through micro- and affordable-franchise models as these required lower start-up capital and franchise package fees; below RM100,000 for affordable franchises and RM50,000 for micro-franchises.

He said the ministry allocated RM5 million this year to implement various micro- and affordable-franchise development programmes, including training, advocacy and advisory services for franchisors and franchisees.

"So far, there are several popular business brands that have come to us to expand their business through micro- and affordable-franchise models, such as CheeseU, Putu Bambu World, Dapur Penyet and Kopi Satu.

"The ministry welcomes more businesses to expand their dominance through this model, which will help open up opportunities, especially to the younger generation, to make the franchise business as a branch of economic return.

"Due to the pandemic, many have lost their jobs and sources of income.

"So with efforts to boost this micro- and affordable-franchise business model, it can open business and employment opportunities to young people as well as the M40 and B40 groups."

He added that the ministry was aware that initial capital burdens and high franchise package costs were among issues faced by those who wanted to venture into franchise businesses. Therefore, promoting micro and affordable models would ensure existing businesses grew while more business and employment opportunities were created.

He said this after visiting the CheeseU franchise kiosk at the Finance Ministry here, which is the first kiosk for the business brand under the micro- and affordable-franchise programme, with a cost of below RM100,000.

This kiosk is the result of cooperation between the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and Perbadanan Putrajaya under the Young Entrepreneur Development Programme implemented by the Federal Territories Ministry.

Also present were Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, deputy secretary-general Dr Alauddin Sidal, Malaysian Franchise Association chairman Datuk Dr Radzali Hassan and CheeseU chief executive officer Thomas Ang.



*Datuk Rosol Wahid*

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT

TARIKH : 12/3/2021

M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ayam | RM5.99 | Telur Gred A | RM8.50 | Gula Pasir | RM2.85 | Cili Merah | RM9.59 |
| Daging Lembu Tempatan | RM34 | Ikan Kembung | RM9.99 | Bawang Besar Holland | RM3.19 | Kubis Bulat Tempatan | RM3.59 |
| Daging Lembu Import | RM18.90 | Minyak Masak | RM5.30 | Bawang Putih | RM5.90 | Tepung Gandum | RM2.15 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (BERITA UMUM)

## 12 MAC 2021 (JUMAAT)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/3/2021
M/SURAT : 1

# Rosol: UMNO jangan kacau kerusi Bersatu

Oleh ASLINDA NASIR
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berjanji akan membantu UMNO untuk menang pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), asalkan parti itu tidak meletakkan calon-calonnya di kawasan yang ditandingi Bersatu.

Dengan cara berkenaan, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Datuk Rosol Wahid berkata, pertembungan tiga penjuru tidak akan berlaku, malah sokongan Melayu tidak berpecah, sekali gus kemenangan akan berpihak kepada Muafakat Nasional (MN) dan Perikatan Nasional (PN).

"Kita terima apa sahaja yang baik kerana pada peringkat awal lagi memang kita tak mahu berpecah.

"Formulanya senang sahaja, UMNO jangan letak calon di kawasan yang kita bertanding, contohnya di kerusi Pagoh, Larut dan Hulu Terengganu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

UMNO difahamkan hanya akan memuktamadkan pengagihan kerusi dengan Pas dalam MN untuk menghadapi PRU-15 dan menerusi persetujuan tersebut, terserah kepada Pas pula untuk memperuntukkan kerusi miliknya kepada Bersatu.

Kelmarin, Ketua Penerangan Pas Pusat, Kamaruzaman Mohamad yang ditemui *Utusan Malaysia* menyatakan, pertembungan tiga penjuru pada PRU-15 antara Bersatu, UMNO dan Pas mungkin tidak akan berlaku.

**Bersambung di muka 2**

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/3/2021
M/SURAT : 2

# Rosol: UMNO jangan kacau kerusi Bersatu

Dari muka 1

Beliau turut mengesahkan kerjasama MN dengan Bersatu telah dibincangkan dalam mesyuarat MN malam kelmarin selepas mengambil kira pengukuhan Melayu dan Islam.

Dalam pada itu, Rosol dalam masa sama turut menjelaskan beliau setakat ini akan terus mempertahankan kerusi Hulu Terengganu yang disandang.

"Ya, setakat ini saya akan bertanding di situ dan Bersatu akan pertahankannya yang ia adalah hak Bersatu. Bagaimanapun, perkara itu boleh dibincang kembali, tak ada masalah," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Pas, Khairil Nizam Khirudin turut mengingatkan UMNO dan Bersatu supaya tidak mendabik dada atau gusar dengan saingan antara kedua-dua parti itu pada PRU nanti.

Katanya, UMNO dan Bersatu perlu menggunakan kekuatan masing-masing demi kepentingan Melayu dan Islam, sekali gus tidak memberi ruang kepada pihak lain untuk memerintah negara.

"Tidak juga perlu berasa bimbang atau rasa disaingi oleh parti yang kecil. Kerana demi agama, bangsa dan negara ini, Pas telah membuktikan kesediaan dan kesetiaannya memeterai ikatan bersama.

"Pas juga tidak pernah memperkecilkan mana-mana saudara politiknya. Ada pun jika Pas dilihat besar, itu adalah perakuan dan pengiktirafan.

"Namun, Pas sama sekali tidak pernah mendabik dada mahupun berlagak untuk bersendirian," katanya dalam satu kenyataan.

Kata Khairul Nizam: "Tiada abang besar. Tiada parti kecil atau besar. Semua memahami kepentingan bersama.

"Rakyat negara ini memerlukan pengukuhan penyatuan dan perpaduan ummah seperti diterajui MN dan PN demi menjamin kelangsungan kepimpinan Islam.

"Sekiranya tidak, kita akan kembali diperintah oleh kalangan yang beragenda lebih bahaya dari penjajah," katanya.



**"... saya akan bertanding di situ dan Bersatu akan pertahankannya yang ia adalah hak Bersatu. Bagaimanapun, perkara itu boleh dibincang kembali, tak ada masalah."**

ROSOL WAHID



**"Tiada abang besar. Tiada parti kecil atau besar. Semua memahami kepentingan bersama."**

KHAIRIL NIZAM KHIRUDIN